



2. PEGAWAI PELAJARAN
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G. 13 (\$2,270 - \$4,240 EBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business Administration / Physics* atau bidang bersesuaian.
2. Diploma / Sijil Pendidikan /Sijil Perguruan.


TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN:

A. SEBAGAI PENGAJAR:

1. Mengajar dan melatih pelajar sehingga ke peringkat *Higher National Technical Education Certificate (HNTEC)*.
2. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum.
3. Merancang dan menyelaraskan kegiatan tambahan untuk pelajar-pelajar.
4. Membantu mengendalikan kursus, bengkel, seminar atau lain-lain kegiatan profesional dan kebajikan.
5. Menjadi Ketua Jabatan atau Bahagian di institusi jika bersesuaian.
6. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengetua institusi.

B. SEBAGAI PEGAWAI SUMBER MANUSIA:

1. Bertanggungjawab membantu Ketua Bahagian dalam urusan-urusan pentadbiran dan perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan serta membuat laporan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran.
2. Membantu Ketua Bahagian dalam merancang keperluan kursus jangka pendek dan jangka panjang sama ada dalam atau luar negara bagi pegawai dan kakitangan.



3. Membantu dalam membuat rancangan penggantian (*succession planning*) yang berhubungkait dengan kemajuan kerjaya (*career development*) dan perancangan penempatan (*redeployment*).
4. Membantu Ketua Bahagian dalam melaksanakan audit sumber manusia (*Human Resource Audit*) bagi tenaga pengajar di institusi.
5. Menjalankan apa jua arahan dan pembahagian kerja yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pihak atasan.